

25 JUN 2003

Shahidan-Tapak

PERLIS TAWAR TAPAK UNTUK INSTITUT PEMIKIRAN DR MAHATHIR

KANGAR, 25 Jun (Bernama) -- Kerajaan negeri Perlis bersedia menawarkan sebidang tanah untuk dijadikan tapak Institut Pemikiran Dr Mahathir yang akan dipelopori oleh Umno.

Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, tapak berkenaan terletak di bandar Kangar tetapi beliau tidak menyatakan kedudukan sebenarnya serta keluasannya.

Shahidan yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perlis memberitahu Bernama, Perlis menawarkan tapak itu sebagai menghargai jasa dan pemikiran besar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada negara.

Katanya, kurikulum institut itu sudah pasti menjurus kepada kupasan pemikiran Perdana Menteri itu.

Shahidan berkata, Perlis juga akan mengembangkan seminar pemikiran Dr Mahathir ke peringkat akar umbi selepas kejayaan menganjurkan Seminar Pemikiran Dr Mahathir di peringkat negeri pada 3 Jun lalu.

Katanya, seminar itu akan diadakan di peringkat kawasan termasuk di institusi-institusi pendidikan.

Menteri Besar berkata, Perlis juga bersedia menjadi tuan rumah kepada seminar pemikiran Dr Mahathir di peringkat kebangsaan.

Pemikiran besar pemimpin itu perlu dihayati sepenuhnya dan antara langkah yang boleh diambil ialah mengadakan seminar-seminar mengenai pemikirannya selain cadangan mewujudkan pusat pemikiran pemimpin itu.

-- BERNAMA

AD PR